



TEKS UCAPAN
YDH ACP/KS WAN MOHD ZAWAWI
BIN
WAN ABDUL RAHMAN
KOMANDAN SUKSIS UTM

25 JULAI 2009

Bismillahirrahmanirrahim,
Yang berusaha saudara pengacara
majlis,

Yang Dihormati

SAC I Dato' Jalaluddin Bin Hj. Abdul
Rahman

Timbalan Ketua Polis Johor

Yang Dihormati

SAC II Dato' Hj. Ramli Bin Hj. Hamzah
Ketua Cawangan Khas Johor

Yang Dihormati

SAC II Dato' Amer Bin Hj. Awal

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah
Johor

Yang Dihormati

ACP Kamarudin Bin A. Aziz

Ketua Cawangan Siasatan Jenayah
Narkotik Johor

Yang Dihormati

ACP Hj. Mohd. Nor Bin. Hj. Mansor

Ketua Jabatan Pengurusan Johor

Pegawai-pegawai Kanan Polis,
Pegawai-pegawai Kanan Kehormat
Kor SUKSIS Siswa/Siswi Kor SUKSIS,

seterusnya tuan-tuan dan puan-puan hadirin yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita sama-sama berkumpul pada pagi yang mulia ini dalam majlis lawatan serta sesi dialog bersama YDH Dato' Timbalan Ketua Polis Johor.

Terlebih dahulu, saya bagi pihak Naib Canselor dan sekalian warga UTM mengalu-alukan kedatangan YDH Dato'-Dato , Tuan – Tuan, puan puan Pegawai Kanan serta hadirin sekalian dan mengucapkan terimakasih diatas kesudian menghadiri majlis ini.

YDH Dato' dan hadirin yang saya hormati,

Sepertimana yang kita sedia maklum, penubuhan Kor SUKSIS UTM adalah bertujuan sebagai pemangkin

dalam membentuk dan membangunkan sahsiah mahasiswa-mahasiswi yang bakal menjadi pemimpin pelapis negara kita pada masa akan datang di dalam pelbagai bidang dan jawatan.

Oleh yang demikian, pelbagai bimbingan dan latihan telah diberikan kepada mereka bagi mencapai maksud tersebut. Antara lain asas latihan yang diberikan kepada pelatih adalah bertujuan untuk:-

1. Melahirkan Pegawai Kor SUK SIS yang berpengetahuan dalam undang-undang negara, membentuk sikap yang positif dan amalan disiplin kepolisian yang sesuai dengan budaya pasukan polis dan IPTA.
2. Berperanan dan bertanggungjawab dengan cekap dan berkesan sebagai Pegawai Kor SUK SIS kearah mewujudkan kesedaran sivik dan hubungan baik polis serta masyarakat.

3. Mempunyai ketahanan mental, fizikal serta personaliti bersesuaian dengan peranan sebagai seorang Pegawai Kor SUK SIS.
4. Memberikan pendedahan berkenaan bidang undang-undang dan penguatkuasaan.
5. Mengimbangi pembentukan jasmani, emosi, rohani dan intelektual sesuai dengan kehendak semasa.

Untuk makluman YDH Dato' dan hadirin sekalian, kekuatan terkini Pegawai Kehormat Kor SUKSIS UTM, Skudai ialah seramai 5 orang yang terdiri dari :

- Komandan berpangkat ACP/KS
- Timbalan Komandan berpangkat SUPT./KS,
- Ajutan berpangkat DSP/KS
- Pegawai Latihan Luar dan
- Pegawai Latihan Akademik berpangkat ASP/KS

Sekadar untuk makluman semua, pelantikan Komandan SUKSIS UTM

yang baru telah dibuat dalam bulan Mei 2009 bagi menggantikan Komandan yang telah bersara.

Manakala bagi kekuatan siswa/siswi Kor SUK SIS pula dibahagikan kepada 3 peringkat iaitu:

Peringkat Junior

Masih dalam proses pengambilan, di mana temuduga akan dijalankan pada 25 hingga 26hb Julai 2009 ;

Peringkat Intermediate

Terdiri seramai 48 orang pelatih; dan

Peringkat Senior

Juga seramai 48 orang pelatih.

Terdapat sebahagian siswa/siswi Kor SUKSIS tidak dapat hadir pada pagi ini disebabkan mereka terlibat dalam Latihan Industri dan Latihan Mengajar.

Bagi memeriahkan dan menyemarakkan majlis pada pagi ini, SUKSIS UTM juga telah menjemput seramai 40 orang siswa/siswi Kor SUKSIS Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) untuk turut serta dalam majlis ini.

YDH Dato' dan hadirin sekalian,

Aktiviti-aktiviti Kor SUK SIS yang dijalankan pada masa ini meliputi Kelas Undang-undang, Latihan Kawad, Latihan Senjatapi dan sebagainya. Latihan ini biasanya akan dijalankan pada setiap hari Kokurikulum iaitu pada hari Rabu mulai jam 2.00 petang hingga 6.00 petang dan pada hari Sabtu mulai jam 7.00 pagi hingga 12.00 tengahari.

Manakala aktiviti-aktiviti latihan luar pula akan dijalankan pada cuti semester memandangkan pada hari-hari biasa pelatih-pelatih perlu menghadiri kuliah akademik.

Di bawah dinyatakan beberapa aktiviti dan latihan yang telah dijalankan pada tahun 2009, antaranya ialah:-

1. Program Latihan Akademik dan Pandu Arah pada 16hb. hingga 18hb. Januari 2009 Di Kem Asahan Melaka.

2. Latihan Amali pelatih-pelatih Senior 24hb. Januari hingga 28hb. Februari 2009 Di IPD J.Bahru Utara.
3. Program memperkasa Komuniti Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Pelancaran Rakan Anti Dadah (RADA) peringkat negeri Johor pada 12hb. Februari hingga 15hb. Februari 2009 Di Politeknik J.Bahru, Pasir Gudang.
4. Perbarisan Hari Polis ke 201 pada 25hb. Mac 2009 Di Dataran Bandaraya Johor Bahru.

5. Latihan Intensif Kawad Tamat Latihan pada 31hb. Mei hingga 6hb. Jun 2009 Di UTM, Skudai.
6. Majlis Tamat Latihan/Pentauliahan pada 7hb. Hingga 22hb. Jun 2009 Di UPM Serdang.

Aktiviti-aktiviti dalam perancangan dan akan dilaksanakan dalam masa terdekat ini ialah Kursus Integriti dan Kursus Pertolongan Cemas / Menyelamat. Kedua-dua kursus tersebut akan menggunakan peruntukan dari PDRM.

Justeru itu, untuk penambahbaikan dan memantapkan lagi Kor SUKSI UTM ini khususnya, saya memohon agar dapat menambahkan lagi kekuatan Pegawai dan anggota PDRM mengikut perjawatan yang telah diluluskan. Ianya bertujuan untuk meningkatkan keupayaan dari aspek latihan, budaya dan ilmu pengetahuan kepolisan di dalam PDRM.

Ini adalah menjurus kepada proses menyediakan dan melahirkan

siswa/siswi Kor SUKSIS yang benar-benar berpengetahuan dan berketerampilan sebagai warga PDRM. Justeru ianya akan dapat mencerminkan imej PDRM yang selari dengan cogan kata '**Satu Malaysia, Rakyat didahulukan, Pencapaian diutamakan**'.

Memandangkan permohonan yang amat menggalakan pada setiap kali pengambilan adalah diharap penambahan bilangan mahasiswa dan mahasiswi yang menyertai Kor SUKSIS ditambah dari 70

orang kepada 140 orang. Adalah diharap penambahbaikan ini akan memberi manfaat kepada mahasiswa/mahasiswi, Universiti Teknologi Malaysia Polis DiRaja Malaysia dan Negara.

Sebelum mengundurkan diri, saya sekali lagi mengucapkan terimakasih kepada semua yang sudi meluangkan masa untuk hadir bersama-sama kita pada pagi ini. Semoga kemesraan ini akan mengukuhkan lagi hubungan erat yang telah sedia terjalin antara Universiti Teknologi Malaysia dan Polis

DiRaja Malaysia, khususnya PDRM Johor.

Akhirkata, bersama-samalah kita memohon kehadiran Ilahi, agar mudah-mudahan amal bakti dan usaha semua pihak yang terlibat menjadi amal jariah dan moga mendapat balasan yang setimpal dariNya kelak. Selagi boleh menghayun langkah, lorongkanlah segala ilmu agar dapat ia menjadi amalan yang bermakna untuk membangunkan anak bangsa demi agama, negara dan tanahair tercinta.

Sekian, saya sudahi dengan

Wabillahitaufik

Walhidayah

Wassalamualaikum

Warahmatullahi

Wabaraktuh.

Telah diedit oleh:

ASP/KS KAMSAINI BIN KAMARUDDIN

Pegawai Latihan Luar

SUKSIS UTM

Julai 2009